

Pengusaha diarah ikut arahan atau ladang ditutup'

Kerajaan Melaka beri tempoh
sebulan untuk patuhi dasar baharu

Nurul Fhatihah
n.fhatihah@bh.com.my
Alor Gajah

Kerajaan Melaka memberi tempoh sebulan kepada pengusaha 36 ladang ternakan babi di Paya Mengkuang di Alor Gajah untuk mematuhi dasar pe-
ladang baharu yang dilulus-
minggu lalu.
Ladang baharu yang lebih moden
Kaedah Pelesenan Ladang Ba-
17 diluluskan pada mesyuarat
O minggu lalu.
Ladang itu merangkumi beberapa
at yang perlu dipatuhi terma-
nempunyai sistem kumbahan
akan terawat dan sistematik
lum dilepaskan ke sungai, had
ulasi yang dibenarkan serta ta-

nah dan bangunan mengikut spe-
sifikasi ditetapkan.

Kerajaan negeri memperkenalkan pelan itu susulan isu pen-
cemaran di Sungai Tuang di sini,
akibat pembuangan najis babi tan-
pa dirawat sejak lebih 10 tahun
lalu.

Tindakan jika gagal patuh

EXCO Pertanian dan Pembangu-
nan Usahawan negeri, Datuk Ha-
san Abdul Rahman, berkata pen-
gusaha yang gagal mematuhi das-
sar pelan ladang itu berdepan
dikenakan tindakan termasuk la-
dang ternakan ditutup.

"Kerajaan memberi amaran ke-
ras kepada pengusaha supaya me-
ngikut arahan itu atau isu ber-
kenaan dibawa ke mahkamah jika
mereka masih berdegil," katanya
kepada pemberita selepas mele-

paskan bebola lumpur pada prog-
ram Kesedaran Sumber Air pe-
ringkat daerah di Muara Sungai
Tuang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Ja-
batan Pengairan dan Saliran (JPS)
negeri, Mohamad Radzi Abdul Ta-
lib dan Pengerusi Chalet Resort
dan Inap Desa Bumiputera Melaka,
Zakaria Othman.

Hasan berkata, berdasarkan se-
makan, hanya 14 daripada 36 pen-
ternak babi mengikut beberapa
syarat yang ditetapkan.

"Mereka juga berdepan arahan
menutup premis jika gagal me-
matuhi semua syarat yang dite-
tapkan," katanya.

Sementara itu, Zakaria berkata,
kira-kira 190 pengusaha chalet dan
inap desa di kawasan itu kecewa
kerana isu berkenaan gagal dise-
lesaikan sejak sekian lama.



Hasan (kiri) bersama EXCO Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Melaka, Datuk Latipah Omar (kanan) melontar bebola lumpur ke dalam sungai pada Program Kesedaran Sumber Air peringkat Alor Gajah di Muara Sungai Tuang, Kuala Sungai Baru, semalam.



Keratan BH bertarikh
21 November 2016.